

Agen Sosialisasi Pengetahuan Komuniti Bajau-Laut: Zon Konservasi Taman Marin Tun Sakaran Sabah

Noviatin Syarifuddin, Dr. Mohamad Fauzi Sukimi, Prof. Rahimah Abdul Aziz
Social, Environmental and Developmental Sustainability Research Centre (SEEDS),
National University of Malaysia

Email of corresponding author: noviatin@ukm.edu.my^{a*}

Abstrak

Isu-isu konservasi perairan merupakan sebahagian daripada agenda dalam Inisiatif Segi-Tiga Terumbu Karang antara negara Malaysia, Indonesia dan Filipina berikutan kependudukan komuniti Bajau-Laut di sekeliling perairan negara. Kebebasan komuniti mendiami batas-batas perairan negara di samping membudayakan penangkapan ikan tradisional menggunakan bahan letupan dikhuatiri mengancam kelestarian zon-zon konservasi maritim. Pengetahuan dan ketersediaan komuniti untuk mematuhi peraturan yang dikuatkuasakan dalam kawasan perlindungan aktiviti marin penting bagi menjamin kelestarian bekalan sumber masa hadapan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk membincangkan agen-agen yang mensosialisasikan pengetahuan komuniti Bajau-Laut tentang zon konservasi yang melibatkan kawasan Taman Marin Tun Sakaran. Penelitian telah berlangsung di Pulau Bum-Bum, daerah Semporna, Sabah dengan mengaplikasikan pendekatan Fenomenologi ke atas 10 orang informan yang dipilih melalui teknik pensampelan bertujuan. Temubual semi-struktur dipilih untuk mendalami pengetahuan komuniti Bajau-Laut sebagai aktor kajian. Andaian ontologi idealis dan epistemologi konstruktivis sosial digagaskan sebagai paradigma penelitian untuk memahami makna tentang zon konservasi yang dibentuk daripada realiti sosial komuniti Bajau-Laut. Hasil kajian mendedahkan bahawa Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK), Persatuan Kebajikan Bajau-Laut (PEKEBAL), agensi Taman Marin Tun Sakaran berperanan sebagai agen sosialisasi formal. Manakala keluarga, rakan sebaya dan media cetak merupakan agen sosialisasi tak formal yang membentuk pengetahuan informan. Sebagai komuniti yang hidup bermasyarakat di dalam sesebuah pulau, pengetahuan tentang zon dan usaha-usaha konservasi oleh agensi signifikan difahami agar kelestarian habitat sumber marin dapat dipelihara dan dipulihara untuk bekalan masa hadapan.

Kata Kunci: Agen Sosialisasi; Komuniti Bajau-Laut; Pengetahuan; Zon Konservasi

1. Pengenalan

Kesedaran dan kebimbangan masyarakat dunia mengenai isu-isu alam sekitar menerusi program konservasi diperhatikan tersebar luas terutama di negara-negara perindustrian dan tidak terkecuali juga kepada negara-negara sedang membangun (Clifton 2011; Dunlap & Gallup, 1993). Program konservasi melalui inisiatif negara sedang membangun (NSM) terutamanya Asia Tenggara iaitu Malaysia, Indonesia dan Filipina merupakan beberapa contoh negara yang mempunyai pendekatan khusus ke arah pengurusan sumber maritim dan persempadanan yang mapan. Usaha negara tersebut dalam mengimplementasikan peraturan zon sebagai kawalan sosial dapat ditelusuri melalui Perjanjian UNCLOS 1982 (United Nation Convention on the Laws of Sea) berdasarkan ruang batasan Zon Eksklusif Ekonomi (ZEE) dalam Pelan Inisiatif Segi-Tiga Terumbu Karang. Selaras dengan pelan tersebut, terdapat tiga isu yang diberikan tumpuan iaitu terumbu karang, perikanan dan sekuriti makanan (Secretariat of Coral Triangle Initiative, 2008). Rasional ketiga-tiga negara maritim ini diwajibkan kerana persamaan sosio-demografi etniknya iaitu kependudukan Bajau-Laut yang mendiami kawasan perbatasan negara tersebut (Saat 2003; Nagatsu 2001 & Warren, 1983).

Hidupan akuatik dan sumber semulajadi sememangnya membekalkan keperluan asas kepada komuniti Bajau-Laut sama ada yang telah membina petempatan menerusi proses sedentarisasi mahupun gaya hidup nomad di sekeliling perairan. Namun, kebimbangan wujud kerana komuniti seringkali terlibat dalam aktiviti perikanan berteknologi rendah sekaligus menyasarkan haluan perahu ke arah zon pelagik luar pesisir pantai disekitar kawasan konservasi inisiatif Segi-Tiga Terumbu Karang (Akimichi & Supriadi, 1996). Clifton (2010) dan Elliott et al. (2001) menjelaskan bahawa '*Bajau communities are commonly associated with illegal and destructive practices such as blast fishing, cyanide fishing, coral mining, and the harvesting of protected species*'. Fenomena tersebut diburukkan lagi dengan kepelbagaian terminologi Bajau-Laut yang berlainan di Asia Tenggara seperti '*Bajau, Sama Bajau, Badjau, Sama-Dilaut dan Orang Laut atau Sea Gypsies*' (Tagliacozzo 2009 & Sather 1997;1995). Natijahnya, komuniti Bajau-Laut sukar dikenakan tindakan undang-undang berkaitan dengan Akta Bahan Letupan dan Akta Perikanan 1985 (Nolde, 2009 & Lowe, 2003) khususnya di Malaysia.

Menerusi kertas kerja ini, fokus penelitian tertumpu di Taman Marin Tun Sakaran (TMTS), Semporna, Sabah iaitu taman negara yang signifikan dengan program konservasi sebagai satu alternatif kehidupan. Pada Julai 2004, taman marin yang berkeluasan 350km² ini telah menggazetkan lapan buah pulau di sekitar Pulau-Bum-Bum kerana faktor kepentingan ciri-ciri akuatik yang homogen seperti di Kepulauan Australia (Brunt, 2007). Penggazetan tersebut memperkenalkan sistem zon konservasi yang meliputi zon tangkapan ikan, zon kegunaan komuniti dan zon pemeliharaan. Berdasarkan penjelasan Wood et al. (2011), zon konservasi terbahagi kepada kawasan tukun tiruan dan perikanan, tanah adat komuniti, ladang percubaan udang galah dan sangkar ikan, ladang mutiara dan rumpai laut, hutan simpan serta kawasan perlindungan bakau. Pengenalan sistem zon dijangka mampu melindungi ciri-ciri akuatik sekaligus memaksimumkan janaan ekonomi komuniti. Akan tetapi, usaha pemuliharaan dan pemeliharaan ekosistem pulau sehingga kini didapati menimbulkan pelbagai reaksi terutama komuniti yang enggan berpartisipasi dalam program alternatif kehidupan.

Penelitian kajian lepas membuktikan bahawa wujud pertindihan pandangan antara 'imajinasi' tentang manfaat konservasi sumber maritim dan 'realiti' kepatuhan terhadap peraturan zon dalam kalangan agen pentadbir dan komuniti Bajau-Laut (Brosius et al. 1998 & Zerner, 1994). Kekurangan dapatan kajian daripada pengkaji lokal khususnya, mendorong kepada perlunya perbincangan mengenai komuniti Bajau-Laut dan isu-isu konservasi perairan diberikan tumpuan secara sosiologikal. Hal ini selari dengan saranan Clifton dan Chris (2012), agar kajian lanjutan mengkaji persepsi komuniti pulau tentang zon konservasi meliputi bidang seperti biologi, ekologi maritim dan antropologi sosial. Buktinya sehingga kini, hanya terdapat beberapa kajian yang menyetengahkan penelitian sarjana antarabangsa seperti kajian '*Culture, Conservation and Conflict: Perspectives on Marine Protection among the Bajau of Southeast Asia*' (Clifton dan Chris, 2012), '*Stateless Stakeholders: Seen But Not Heard*' (Brunt, 2013) dan '*Should state and international organizations adopt a human right approach to fishery policy?*' (Allison, 2011). Oleh demikian, persoalan mengenai siapakah agen-agen yang mensosialisasikan pengetahuan komuniti Bajau-Laut tentang inisiatif zon konservasi di daerah Semporna, Sabah masih relevan untuk diterokai dan dibincangkan secara lanjut.

2. Tinjauan Literatur

2.1 Persepsi, Sikap dan Kesedaran Komuniti Bajau-Laut terhadap Zon Konservasi Perairan

Secara literalnya, kebanyakan kajian lepas yang menyorot mengenai komuniti pulau etnik Bajau-Laut diperingkat global memberi tumpuan tentang persepsi, sikap dan kesedaran

terhadap peraturan konservasi yang dikuatkuasakan oleh sesebuah taman negara. Penelitian tema-tema tersebut, tertumpu kepada peranan yang dilaksanakan oleh agen pentadbir dan impaknya kepada pemahaman komuniti. Persepsi komuniti tentang pelaksanaan zon konservasi di daerah Semporna diperhatikan terkait dengan kitaran kehidupan garis geografi. Kerasionalan pemuliharaan ekologi maritim dipengaruhi oleh semangat laut daripada nenek-moyang iaitu 'Mbo Madilau'. Kepercayaan dan 'worldview' komuniti Bajau kurang diterokai dan menyebabkan dapatan berkaitan amalan spiritual dan hubungannya dengan impak konservasi maritim sukar diketengahkan (Bottingnolo, 1995 & Nimmo, 1990). Persepsi tua tangkapan serta kecekapan nelayan bergantung kepada penyerahan nasib baik iaitu 'padalleang' (Clifton, 2011:721). Berbeza dengan dapatan kajian oleh Brunt (2007) dan Santoso (2012), sarjana tersebut mendedahkan bahawa penglibatan dalam inisiatif konservasi boleh dipertingkatkan sekiranya pemantauan sistem zon maritim diberikan kepada komunitinya.

Sikap dan kesedaran tentang pelaksanaan zon konservasi perairan turut dipengaruhi oleh kebolehan komuniti untuk beradaptasi dengan sebarang perubahan persekitaran. Hal ini dibuktikan menerusi pemerhatian lapangan oleh Clifton dan Majors (2011:719) dengan merujuk kajian Sather (1997), menerangkan bahawa komuniti Bajau '*alter their practies on complex diel or lunar cycles reflecting known patterns of fish movement, spawning and aggregation, while changes in preferred species and habitats also occur in tandem with longer term seasonal variations*'. Berbanding dengan kajian Saidatul Normis Mahali (2013), mendedahkan bahawa halangan dari segi berbahasa antara penyelidik luar berbanding lokal diperhatikan menyukarkan maklumat daripada perspektif Bajau diperolehi dan diinterpretasi secara baik. Sikap tersebut akhirnya memberikan tanggapan berbeza mengenai kebolehlaksanaan peraturan zon perikanan (Christie, 2005). Kesedaran komuniti melestarikan sistem zon konservasi mempunyai hubungkait dengan sekatan yang dikuatkuasa oleh pihak pentadbir. Lester et al. (2009) menjelaskan bahawa pihak pentadbir beranggapan sekatan aktiviti perikanan, peralatan memancing dan penguatkuasaan zon perlindungan maritim berupaya mengurangkan sahalaku kegiatan perikanan. Akan tetapi, kawalan sosial dan tindakan undang-undang sukar diimplemetasi (The Nature Conservation/ WWF, 2004) kerana populasi komuniti Bajau dalam kegiatan perikanan mencatatkan jumlah yang tidak seimbang di samping lokasi migran perairan yang berubah-ubah (Cullen & Nagatsu, 2007).

Hasil tinjauan terhadap persepsi, sikap dan kesedaran komuniti, didapati wujud beberapa kelompangan yang boleh dimurnikan. Roberts et al. (2001) menjelaskan bahawa kepatuhan terhadap kawasan perlindungan maritim mampu direalisasikan sekiranya sistem pandang dunia komuniti diterokai. Ini kerana, komuniti pelaut sememangnya mempunyai interpretasi tersendiri tentang proses-proses perubahan alam sekitar dan hubungannya dengan jumlah populasi ikan (Berkes, 1999). Kajian dari sisi antropologi sosial oleh Nimmo (1967) menghujahkan bahawa pengkaji selepasnya cenderung membincangkan faktor transisi perubahan masyarakat Bajau daripada pemungut hasil hutan dan beralih kepada peradaban maritim dengan merujuk penulisan sejarawan seperti David. E Sopher (1965). Akhirnya, persoalan sarjana antarabangsa mengenai pemahaman komuniti tentang kelestarian terumbu karang (Afiff et al. 2007) terbatas kerana tidak memahami tujuan dan manfaat program konservasi (The Nature Conservation, 2006).

2.2 Kegiatan Perikanan dan Penyalahgunaan Bahan Letupan

Perdebatan mengenai isu-isu kegiatan perikanan dan penyalahgunaan bahan letupan mula diberikan perhatian oleh sarjana menjelang era 90-an (Akimichi & Supriadi, 1996) yang lazimnya terkait dengan masalah taburan petempatan komuniti. Menelusuri isu tersebut, kes eksploitasi

sumber perikanan penduduk lokal diperhatikan wujud dalam kalangan komuniti nomad (Pet-Soede & Erdmann, 1998). Dalam hal ini, sarjana Gaynor (2005) dan Chou (2003) menyifatkan bahawa impak modernisasi menerusi proses sedentarisasi komuniti Bajau-Laut (Crabbe & Smith, 2005) diujjahkan sebagai faktor penyebabnya. Kenyataan tersebut diperkukuh oleh Bracamonte (1995) yang mendapati belia lelaki lebih mudah untuk bermigrasi ke lokasi-lokasi urban kesan migrasi. Akan tetapi, petempatan komuniti Bajau lazimnya dikarakteristikkan sebagai mukim yang ketinggalan dari segi pendidikan formal, miskin dan kadar kematian kanak-kanak adalah tinggi (Chou, 1997). Selain dapatan sedemikian, kegiatan perikanan dalam komuniti Bajau-Laut juga terkait dengan sistem pengangkutan air (Wan Shawaluddin et al. 2012) dan masalah dari segi menyediakan permit berikutan masalah kewangan (Jamie et al. 2011). Pada tahun 2004, penggunaan '*Pump Boat*' diharamkan atas alasan keselamatan dan penyeludupan, tetapi ianya masih berleluasa (Ramli Dollah et al. 2012). Menerusi kajian Chiam Tah Kong (2012), perahu signifikan dalam pembudayaan warisan hidup Bajau-Laut.

Penyalahgunaan bahan letupan dalam aktiviti perikanan diperhatikan tersebar luas dalam komuniti Bajau di kawasan terumbu karang (Tun et al. 2008) kerana mempunyai jaminan tangkapan sumber maritim dengan jumlah yang tinggi (Pet-Soede et al. 1999). Ketegasan penguatkuasa memastikan kepatuhan komuniti juga mencetuskan keprihatinan environmentalist (Cesar et al. 1997). Berbeza dengan pandangan Clifton et al (2011:722), penggunaan bahan letupan penting kepada budaya dan status sosial komuniti nelayan menerusi semangat egalitarian terutama spesies maritim yang jarang ditemui. Status sosial pelaut meningkat kerana kecekapannya diiktiraf sebagai 'folk hero' setaraf dengan ketua kelompok informal. Pengiktirafan menjadi elemen penting kepada pembinaan modal sosial komuniti nelayan (Woolcock, 2001). Berdasarkan tema ini, proses sosialisasi yang diterima oleh komuniti Bajau-Laut signifikan diterokai bagi memahami bagaimana komuniti menginternalisasikan sebarang pengetahuan berhubung penguatkuasaan zon-zon konservasi di sekitar Taman Marin Tun Sakaran. Justeru, kertas kerja ini ingin membuktikan bahawa proses sosialisasi menerusi interaksi sosial bersama dengan agen-agen mampu mengubah 'world-view' komuniti Bajau-Laut tentang pembaharuan dalam persekitaran pulau khususnya pstrukturkan zon konservasi.

3. Metodologi Kajian

Secara sepintas lalu, lokasi kajian ini terletak di daerah Semporna, Sabah. Fokus tertumpu kepada Kampung Tundun di Pulau Bum-Bum kerana mukimnya berhadapan dengan kawasan zon-zon konservasi yang digazetkan. Dari segi demografinya, daerah ini didiami oleh komuniti Bajau-Laut yang membina petempatan di sekeliling perairan sama ada kekal melalui proses sedentarisasi ataupun masih menjalani kehidupan nomadisasi. Teknik pensampelan bertujuan yang diaplikasi dengan kerjasama JKKK Kampung Tundun sebagai '*gate keeper*' telah berlangsung bersama dengan 10 orang komuniti Bajau-Laut. Jumlah tersebut dipilih berdasarkan kesesuaian pendekatan Fenomenologi yang bergantung kepada ketepatan data (Creswell, 1998). Informan kajian terdiri daripada tiga (3) orang perempuan dan tujuh (7) orang lelaki dengan kepelbagaian tahap pendidikan, pekerjaan, agama dan jenis petempatan. Had umur sampel kajian ini tidak distrukturkan bagi memperlihatkan pola persamaan, perbezaan dan perbandingan apabila analisis deksriptif dilaksanakan kelak. Hasilnya, wujud kepelbagaian peringkat umur bermula dari tahap 20-an, 30-an, 40-an dan 60-an untuk memberikan maklumbalas daripada perspektif yang luas. Selanjutnya, data primer hasil maklumbalas informan turut disokong bersama data sekunder dengan menganalisis beberapa laporan seperti '*Socio-Economic Monitoring in Taman Marin Tun Sakaran Results of the 2006 Community Census*' (Wood, Suliansa & Brunt, 2007), (ii) '*Progress Towards Development of Alternative*

Livehoods In Tun Sakaran Marine Park (Wood, Bavoh & Ng, 2011) dan (iii) *Semporna Island Darwin Projects, 2011 Reports*.

4. Dapatan dan Perbincangan

Sejumlah sepuluh (10) orang informan ditemubual dengan mengaplikasikan teknik temubual semi-struktur bagi memperoleh maklumat mengenai agen-agen yang mensosialisasikan pengetahuan informan dalam zon konservasi Taman Marin Tun Sakaran. Lima (5) orang daripada informan merupakan komuniti Bajau-Laut yang membina petempatan kekal manakala selebihnya berstatus nomad di sekitar perairan daerah Semporna. Hasil kajian telah mengenalpasti sebanyak dua (2) kelompok agen iaitu agen sosialisasi formal dan tidak formal terlibat dalam menyalurkan informasi. Selanjutnya, dapatan kajian akan dibincangkan dengan mengaplikasikan teori *Symbolic Interaction: Mental Process and the Mind* paradigma George Herbert Mead (1934). Tujuannya adalah memahami interaksi sosial aktor kajian dengan menerapkan huraian aspek ontologi idealis dan epistemologi sosial konstruktivis agar tidak mengabaikan analisis secara sosiologikal yang menjadi sumbangan kajian ini.

4.1 Agen Sosialisasi Formal

Analisis deksriptif yang diteliti menerusi maklumbalas informan mengetengahkan tiga (3) bentuk agen formal yang mensosialisasikan pengetahuan komuniti Bajau-Laut tentang zon konservasi. Dapatan kajian memperlihatkan sejumlah empat (4) orang informan berinteraksi dengan agen-agen seperti i) JKKK, ii) PEKEBAL dan iii) agensi Taman Marin Tun Sakaran. Menerusi kategori ini, majoriti tiga (3) orang informan menetap di sekitar Kampung Tundun dan memperoleh pendidikan formal sehingga ke peringkat Diploma serta berkhidmat dalam pelbagai bidang pekerjaan. Bagi informan berjantina lelaki, analisis melabelkan sebagai 'L', manakala bagi informan perempuan label ialah 'P' berdasarkan urutan temubual.

Jawatankuasa Kemajuan cawangan Kampung Tundun (JKKK)

Pola maklumbalas yang memaparkan JKKK sebagai agen sosialisasi formal diperlihatkan menerusi keterangan sejumlah dua (2) orang informan iaitu L1 dan P1 yang menetap di Kampung Tundun. Menurut L1 yang berusia 65 tahun, beliau memperoleh maklumat tentang pelaksanaan zon konservasi menerusi perjumpaan bulanan bersama JKKK. Selaku warga emas yang arif selok-belok kehidupan nelayan, L1 menyifatkan peraturan dan sekatan kegiatan perikanan menjadi halangan untuk komuniti yang masih aktif dengan sistem sara diri. Pandangan L1 dapat dipaparkan menerusi maklumbalasnya *'atuk banyak tahu dari ketua kampung. Kesian juga sama jirannya yang hidupnya dilaut. Mau ke kawasan laut dalam perlu permit yang dibayar, sedangkan hidup untuk makan pun susah'* (L1). Berbeza dengan respond Informan P1, informan merupakan surirumah dan Penjual Karang Eksotik sambilan untuk dibekalkan kepada peminat aksesori dan pengusaha hotel daerah berkenaan. Informan P1 mengakui bahawa informasi zon konservasi perairan diketahui sewaktu menerima jaring percuma di dalam satu pertemuan bersama pemimpin kampung (JKKK) beberapa tahun sebelumnya. P1 menerusi keterangannya menyatakan bahawa *'kami ini ketua kampung yang kasi tau aturan dilaut. Apalagi saya dak pandai tulis baca. Cuma sekarang susah sikit sebab kawasan yang mutiaranya banyak tidak bole suda masuk sebarang'* (P1).

Persatuan Kebajikan Komuniti Bajau-Laut (PEKEBAL)

Temubual bersama Informan L2 yang merupakan seorang guru menerangkan bahawa beliau pengetahuan beliau banyak disosialisasikan menerusi agen PEKEBAL. Agen ini berperanan sebagai 'orang tengah' menyalurkan perkembangan dan projek di pulau Semporna. Dalam masa yang sama kerjaya guru di kawasan pulau juga dilibatkan dengan program-program konservasi. Penjelasan L2 dapat difahami menerusi bait penerangannya '*cikgu sekolah ini ada masanya kami berprogram alam sekitar dengan murid disini. Tapi memang hanya yang bersekolah sahaja, kalau yang tidak sekolah pun ada tapi diluar sekolah. PEKEBAL yang banyak salurkan maklumat pasal taman marin dan anjurkan program*' (L2).

Agensi Taman Marin Tun Sakaran (TMTS)

Tanggungjawab agensi Taman Marin Tun Sakaran selaku agen sosialisasi formal dapat dianalisis daripada keterangan Informan L3 yang bekerja sebagai Pemandu Pelancong. L3 yang berusia lingkungan 45 tahun ini menjelaskan bahawa rutin harian pekerjaannya mendedahkannya kepada sebarang informasi berkaitan aktiviti di pulau pelancongan. Menurutnya, '*kalau dulu bebas mau snorkeling ke mana-mana, sekarang ada susah sikit sebab pelancong pun mesti berdaftar melalui agen baru kami boleh bawak. Kebebasan itu ada tapi dikawal sama agen taman marinhlah*' (L3).

4.2 Agen Sosialisasi Tidak Formal

Dapatan mengenai agen sosialisasi tidak formal mengetengahkan tiga agen yang berperanan menyalurkan pengetahuan berhubung dengan zon konservasi di Taman Marin Tun Sakaran. Agen-agen tersebut terdiri daripada i) keluarga, ii) rakan sebaya dan iii) media cetak. Sungguhpun keluarga merupakan agen sosialisasi *primer* dalam proses bersosialisasi, namun hasil kajian memaparkan peranan rakan sebaya ataupun *peer group* selaku agen lebih dominan dalam kalangan empat (4) orang informan berbanding sepuluh (10) yang lain. Selanjutnya, hanya satu (1) orang informan sahaja mengetahui informasi zon menerusi media cetak yang dipaparkan di sekitar jeti dan mukim.

Keluarga

Peranan keluarga sebagai agen sosialisasi tidak formal dapat dihayati menerusi kenyataan Informan L4 yang bekerja sebagai Buruh Kasar di pekan Semporna. Kehidupan nomad yang dilalui oleh L4 selama 25 tahun memberikan perspektif yang berbeza tentang perubahan zon konservasi di daerah tersebut. L4 menjelaskan bahawa informasi daripada keluarga penting kerana kesibukan bekerja telah mengehadkan interaksi bersama komuniti Bajau-Laut yang lain. Penjelasan L4 dapat dihayati menerusi maklum balasnya, '*dulu kami ni bebas pancing ikan...dimana pulau semua boleh masuk...tapi susah sekarang pasal orang dirumah (keluarga) bilang (maklum) jangan sembarangan masuk pulau nanti ditangkap sama polis marin*' (L4).

Rakan Sebaya

Persoalan mengenai peranan rakan sebaya selaku agen sosialisasi berikutnya direspon sebanyak empat (4) orang informan iaitu Informan L5, P2, L6 dan P3 dengan pelbagai latar belakang dan status yang berbeza. Analisis peranan agen ini, mengetengahkan tiga (3) pola maklumbalas yang berbeza dari segi bagaimana pengetahuan zon konservasi disosialisasikan. Pola maklumbalas yang menzahirkan ketidakpastian tentang zon dapat dianalisis dalam diri Informan L5 dan Informan P2. Akan tetapi, informan tersebut mengakui bahawa sedikit-sebanyak pengetahuan terbentuk menerusi pengalaman harian daripada rakan sebaya.

Pengakuan L5 yang bekerja sebagai Pemandu Perahu Barang dapat diteliti menerusi perbualannya, *'nda pasti juga tapi...macam kawanku kasi ingat, jam berapa yang boleh bawa perahu pasal ada aturan di Semporna ini kalau jam 6 subuh keluar, 6 petang balik jeti'* (L5). Kenyataan L5 dapat diyakini kerana sehingga kini, daerah Semporna menguatkuasakan Perintah Berkurung di sekitar Pulau Bum-Bum bagi menjaga keselamatan penduduknya. Pola maklumbalas Informan P2 selaku Penjual Putu Ubi (sejenis makanan tradisi berasaskan ubi dan campuran kelapa) pula dapat dihayati berdasarkan petikan seperti *'macam ada juga aku tengok ESSCOM meronda sama pakcik-pakcik taman marin yang pakai baju coklat. Tapi macam adik (merujuk diri pengkaji) kata peraturan itu aku kurang tahulah karna aku nda sekolah jadi kawan selalu kasi sampai cerita sama aku. Memang lah aku Bajau-Laut tapi nda selalu ku turun mancing kecuali tu abang, sepupu dan pakcik'* (P2). Kehidupan nomad di kawasan yang tidak menentu juga menyumbang kepada kurangnya sosialisasi pengetahuan L5 dan P2 tentang skim pelaksanaan zon konservasi perairan. Selanjutnya, pola maklumbalas mengenai peranan rakan sebaya berikutnya dapat dianalisis menerusi kenyataan Informan L6 dan P3. Menurut L6 yang bekerja sebagai Nelayan dan Penjual Ikan, menjelaskan bahawa perbualan sehari-harian bersama peniaga kecil-kecilan di jeti menyebabkan beliau sedar bahawa wujud struktur peraturan di zon perairan sekitar kehidupan nomadnya. L6 melalui pandangannya menyatakan bahawa *'...bosku-bosku (teman rapat) di pasar tu yang kasi tau. Sebab aku ini takda surat tiada permit. Bisnes pun ada kadang takda jadi susah mau mohon lesen perahu'* (L6). Pernyataan berikutnya, dapat dianalisis menerusi P3 yang bekerja sebagai Penjual Landak Laut di Jeti Balimbang, Semporna sekaligus berkongsi satu lokasi tapak menjual yang sama dengan L6. Penjelasan P3 dapat dihayati seperti *'kawan selalu memesan tu sama abangku (suami informan), dibilang oh jangan suda kamu ke sana mencari tehe-tehe (landak laut)'* (P3).

Media Sosial

Informan L7 yang bekerja sebagai Pemandu Van Pulau secara 'chater' dan menetap dalam mukim yang sama dengan P1 menyatakan bahawa dirinya cakna akan pelaksanaan zon dan peraturan aktiviti memancing melalui kenyataan yang ditampal di sekitar pondok perhentian bas, Jeti Balimbang. Menurut L7 dalam penjelasannya, pengetahuannya menerusi media cetak adalah seperti, *'...Ada tu disana ditampal di pondok bas. Kalau yang tau membaca oke juga kalau yang buta hurup memang nda ditau tu. Contohnya, yang nomad tu kan dorang macam nda peduli saja tuh. Kau cakaplah macam mana besok nanti ada juga dorang tu terjun-terjun dekat kawasan yang dipagar...'* (L7). Menerusi penjelasan L7, anggota Balai Polis Bum-Bum juga memantau segala bentuk aktiviti nelayan di kawasan laut yang hanya membenarkan kegiatan perikanan tidak lebih daripada tiga (3) batu nautika daripada perairan zon konservasi.

Hasil dapatan menerusi kedua-dua kelompok agen sosialisasi i) formal dan ii) tidak formal memperlihatkan bahawa wujud pengaruh yang dominan berdasarkan jenis pekerjaan, tahap pendidikan dan pola petempatan informan. Hal demikian kerana, interaksi sosial yang berlangsung sangat ditentukan oleh faktor *time and space* (Giddens, 1984). Persoalan berkaitan *'apa, siapa, dimana, bagaimana dan mengapa'* tentang skim zon konservasi perairan yang dilaksanakan oleh agensi Taman Marin Tun Sakaran pula dipengaruhi oleh *'social experience'* aktor iaitu informan kajian (Mead, 1962).

4.3 Perbincangan

Perbincangan hasil dapatan kajian menerusi kertas kerja ini dipandu oleh tujuan utama kajian yang diaplikasi untuk membincangkan agen-agen sosialisasi pengetahuan komuniti Bajau-Laut tentang zon konservasi perairan. Secara ontologikalnya, kertas kerja ini menerokai realiti sosial

komuniti menerusi pendekatan ontologi idealis (Blaikie, 2007). Ini kerana, pengetahuan seseorang aktor adalah bersifat subjektif bergantung kepada proses interaksi sosialnya. Menerusi pendekatan epistemologi sosial konstruktivisme, pengkaji mendapati bahawa makna sosial dan penghayatan tentang nilai baik atau buruk manfaat konservasi sangat dipengaruhi oleh kelompok agen yang mensosialisasikan pengetahuan berkaitan usaha-usaha melestarikan Taman Marin Tun Sakaran.

Selanjutnya, perbincangan dari sudut teoritikal diwacanakan dengan pendekatan *Symbolic Interaction: Mental Process and the Mind* oleh George Herbert Mead (1934). Menerusi teori ini, Ritzer (1996) menjelaskan bahawa '*...another function of significant symbols-that they make the mind, mental processes, and so on, possible. It is only through significant symbols, especially language, that human thinking is possible...*'. Keserasian pendekatan teori tersebut dengan fenomena kajian diperhatikan seimbang dengan hujah Mead (1934) dalam Ritzer (1996:200) kerana kefahaman informan terhadap zon konservasi sebagai suatu simbol peraturan dan fungsinya sebagai alat kawalan sosial diinternalisasikan melalui proses interaksi. Internalisasi nilai-nilai yang sesuai hasil sosialisasi bersama agen signifikan membentuk keperibadian informan. Pandangan pengkaji diperhatikan selari dengan hujah Mead (1934/1962:47) yang menghuraikan bahawa proses berfikir sebagai '*simply an internalized or implicit conversation of the individual with himself by means of such gestures*'. Akhirnya, interaksi sosial turut mempengaruhi proses sosialisasi individu dalam menginterpretasi usaha-usaha murni yang dilaksanakan oleh agensi Taman Marin Tun Sakaran.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, agen sosialisasi formal ataupun tidak formal berperanan menerapkan nilai kelestarian sumber maritim dari segi konsumerisma dan penjanaaan komoditi daripada pulau yang digazetkan. Penglibatan komuniti Bajau-Laut dalam program konservasi seharusnya bersifat lebih aktif berbanding agen pentadbir kerana pergantungan terhadap aktiviti berasaskan laut masih menjadi identiti kekeluargaan. Justeru, bagi meneruskan kesinambungan analisis wacana sosiologikal kertas kerja ini, kajian lanjutan yang mewacanakan pengetahuan zon konservasi daripada realiti sosial komuniti Bajau-Laut seharusnya dibincangkan dengan mengaplikasi pendekatan Struktur-Agensi (Anthony Giddens, 1984). Ianya penting untuk menganalisis peranan struktur peraturan zon konservasi sama ada sifatnya mapan sebagai pembentuk kawalan sosial. Selanjutnya, merungkai persoalan sama ada peranan agensi taman marin mensosialisasikan pengetahuan komuniti dapat diperkasakan melalui peranan agen pentadbir ataupun pemimpin lokal di daerah Semporna.

Rujukan

- Clifton, J. & Chris, M. 2011. Conservation and Conflict: Perspectives on Marine Protection among the Bajau of Southeast Asia. *A School Of Earth and Environment*, University Of Western Australia, Crawley, Australia.
- Coral Triangle Initiative Secretariat. 2008. Regional Plan of Action. <http://www.worldwildlife.org/what/wherewework/coraltriangle/wwfbinaryitem12638.pdf> [20 September 2017].
- Creswell, J. W. (2012). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Beltran, J. 2000. Indigenous and Traditional Peoples and Protected Areas: Principles, Guidelines and Case Studies. *International Union for the Conservation of Nature*. Switzerland.
- Bracamonte, N. L. 1995. Evolving a Development Framework for the Sama Dilaut in an Urban

Centre in the Southern Philippines. *Borneo Res.* 36:185–199.

Coral Triangle Initiative Secretariat. 2008. Regional Plan of Action. <http://www.worldwildlife.org/what/wherewework/coraltriangle/wwfbinaryitem12638.pdf> [20 September 2017].

Fox, J. & Sen, S. 2002. A Study of Socio-Economic Issues Facing Traditional Indonesian Fishers Who Access the MOU Box. Canberra. *Environment Australia.* (69)2: 155.187.